



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

TULISAN AYAT AL-QUR'AN PADA KAIN PENUTUP KERANDA

Bahagian Pertama

(Dengan na'ma Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Di Alam Melayu dan di sesetengah negara di Timur Tengah, menutup keranda jenazah dengan kain atau objek lain yang tertulis padanya ayat-ayat al-Qur'an atau zikir yang mengandungi nama-nama yang dimuliakan dan diagungkan telah menjadi kebiasaan. Namun pada waktu akhir-akhir ini, kebiasaan ini telah dipersoalkan oleh golongan tertentu. Antara persoalan yang timbul ialah kain yang mengandungi ayat-ayat atau zikir atau doa yang mengandungi nama-nama yang dimuliakan dan diagungkan itu adalah haram diletakkan pada keranda.

Mengapakah penutup keranda yang tertulis padanya ayat al-Qur'an atau zikir yang mengandungi nama-nama yang dimuliakan dan diagungkan pada pandangan mereka diharamkan?

Antara alasan yang dikemukakan golongan yang mengharamkan ini ialah kerana amalan berkenaan bercanggah dengan agama Islam, dengan tanggapan bahawa kain yang bertulis padanya ayat suci al-Qur'an atau zikir atau doa itu tidak dapat mengelakkan si mati daripada seksaan kubur. Selain daripada sebab-sebab lain yang membuatkan golongan ini mengatakan haram.

Penutup Keranda

Penutup keranda itu ada yang diperbuat daripada kain, kertas, tikar atau objek-objek lain yang sesuai. Pada asalnya penutup itu tidak mengandungi apa-apa tulisan ayat al-Qur'an atau doa kerana tujuannya hanyalah menutup dan melindungi jenazah daripada

pandangan orang ramai ketika hendak dimasukkan ke dalam kubur. Sebelum ia digunakan untuk tujuan tersebut, ia diletakkan di atas keranda sebagai penutup sejak dari mula jenazah dimasukkan ke dalamnya sehinggalah sampai di kawasan kubur. Apabila jenazah hendak dimasukkan ke liang lahad dan seterusnya masa menimbus kuburan dengan tanah, maka ketika itulah kain keranda atau objek berkenaan digunakan.

Seterusnya dalam kaitan penggunaan penutup keranda ini dengan amali penguburan jenazah, ulama menyebutkannya sunat menutupi jenazah ketika memasukkannya ke dalam kuburan dengan sesuatu yang boleh menutupinya. Walaupun setengah mereka menyebutkan kain sebagai penutup, tetapi hukum sunat ini boleh berlaku dengan mana-mana sahaja objek yang dikira dapat menutup dari pandangan.

Hukum sunat menutupi jenazah ketika memasukkannya ke dalam kuburan ini adalah bertujuan untuk menutup sebarang kemungkinan tersingkap mana-mana bahagian mayat yang wajib ditutup. Hukum ini diutamakan ke atas jenazah perempuan sebagaimana disebutkan dalam kitab *Mughni al-Muhtaj* bahawa Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam* telahpun menutupi kubur Sa‘ad bin Mu‘az semasa menguburkannya.

Keranda

Mengikut keterangan ulama, keranda pada mulanya diguna oleh orang-orang Habsyah. Kemudian barulah diguna oleh orang-orang Islam. Orang Islam yang mula sekali menggunakannya ialah Asma’ binti ‘Umair *radhiallahu ‘anha* untuk suaminya. Dia berbuat demikian setelah melihat di Habsyah keranda diguna untuk membawa jenazah. Setelah itu, jenazah perempuan Islam yang mula sekali di bawa dalam keranda ialah Zainab Ummulmukminin *Radhiallahu ‘anha*.

Penggunaan keranda adalah disunatkan sebagaimana yang dikatakan oleh Imam Nawawi *Rahimahullah* dalam kitab *al-Majmu'*:

Ertinya: “*Disunatkan membuat keranda untuk jenazah perempuan.*”

Begitu juga Nashr al-Maqdisiy berkata: (keranda) ialah penutup yang diletakkan di atas jenazah perempuan yang ada di atas usungan, dan ditutup pula dengan kain untuk menutupnya dari pandangan orang ramai.”

Berdasarkan keterangan ini adalah boleh mengguna keranda dan sunat menutupnya dengan mana-mana objek yang boleh menjaga kehormatan jenazah daripada pandangan orang ramai.

Pandangan Ulama mengenai Ayat al-Qur'an atau Doa Pada Kain Kafan

Sesetengah ulama mazhab Asy-Syafi'e ada yang telah membahaskan dan memfatwakan tentang penulisan zikir atau doa yang mengandungi nama-nama yang dimuliakan dan diagungkan pada kain kafan.

Ibn Hajar *rahimahullah* pernah ditanya tentang adakah boleh menulis zikir dan doa berikut pada kain kafan dan adakah zikir dan doa ini mempunyai dasar pengambilannya?

: .

Ibn Hajar *rahimahullah* menjawab dengan berkata bahawa sesetengah ulama menukilkan bahawa penulisan doa ini pada kain kafan mempunyai dasar pengambilannya dengan mengqiaskannya kepada penulisan perkataan “Allah” pada binatang zakat sepertimana yang difatwakan oleh al-Faqih Ibn ‘Ujail *rahimahullah*.

Doa ini juga telah diperakui oleh sesetengah ulama yang lain sehingga dikatakan jika menulis doa ini dengan tujuan yang betul dan dikehendaki maka dituntut melakukannya dan diharuskan. Tetapi jika diketahui ia akan terkena najis, ia perlu dipertimbangkan.

Namun pandangan ini telahpun ditolak oleh Ibnu Shalah kerana penulisan perkataan “Allah” pada binatang zakat adalah bertujuan untuk membezakannya dari binatang lain yang bukan zakat, bukannya untuk tujuan tabarruk (memperolehi berkat), sedangkan penulisan doa tersebut pada kain kafan adalah bagi tujuan tabarruk. Menurut fatwa beliau, tidak boleh menulis ayat-ayat al-Qur’an pada kain kafan kerana dikhuatiri terkena danur mayat (air yang keluar daripada mayat yang telah busuk).

Adapun pendapat yang mengatakan bahawa “dituntut melakukannya kerana tujuan yang betul dan dikehendaki, oleh itu ia diharuskan”, adalah pendapat yang ditolak sama sekali kerana alasan yang sedemikian tidak boleh dijadikan hujah. Hujah hanya akan nampak jelas sekiranya shahih riwayat daripada Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam* yang menuntut melakukannya, sedangkan perkara tersebut tidak demikian”.

Itulah jawapan Ibn Hajar rahimahullah sebagaimana yang dinukilkan oleh pengarang kitab *I‘anah ath-Thalibin*. Walaupun Ibn ‘Ujail rahimahullah memfatwakan boleh menuliskan doa ini dan diperakui oleh sesetengah ulama lain, tetapi berdasarkan mafhum jawapan yang di atas, kita mendapati Ibn Hajar rahimahullah cenderung kepada pendapat yang tidak membolehkan penulisan doa tersebut pada kain kafan. Mafhum ini secara khusus dapat dirujuk kepada pendapatnya yang menyebutkan doa ini akan terdedah kepada najis dan menuliskannya pula pada kain kafan tidak ada riwayat daripada Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam* yang menyuruh berbuat demikian.

Mafhum ini selari dengan mafhum pendapat ulama yang datang selepas Ibn Hajar *rahimahullah* tentang wajibnya menghormati al-Qur’an dan nama-nama yang dimuliakan dan diagungkan. Pendapat mereka dapat dirujuk dalam kitab seperti *Hasyiyatan: Qalyubi wa ‘Umairah* dan *Fath al-Mu‘in*.

Di dalam kitab *Hasyiyatan: Qalyubi wa ‘Umairah* disebutkan:

:

Ertinya: “Mereka (ulama) berkata: Haram menuliskan sesuatu dari ayat al-Qur’an atau nama yang diagungkan pada sesuatu objek yang berkaitan dengan mayat kerana ia akan bernajis dengan shadid (nanah bercampur darah)”.

Di dalam kitab *Fath al-Mu'in* pula disebutkan:

Ertinya: “*Dan haram menuliskan sesuatu dari ayat al-Qur'an dan nama-nama Allah Ta'ala pada kain kafan*”.

Nash yang terdapat dalam kitab-kitab yang tersebut di atas jelas menyatakan bahawa mana-mana ayat al-Qur'an atau nama-nama yang diagungkan, seperti nama-nama Allah *Ta'ala* dan Rasul-Nya, adalah haram dituliskan pada kain kafan mayat dengan alasan ia terdedah kepada kotoran yang menyebabkan kehormatannya tercemar.

Maka berdasarkan mafhum jawapan Ibn Hajar *Rahimahullah* dan *nash-nash* pendapat ulama, dan hasil perbincangan ini, penulisan doa yang mengandungi nama-nama yang diagungkan pada kain kafan adalah tidak sesuai dengan kemuliaan zikir dan doa-doa itu, terlebih-lebih lagi ayat-ayat al-Qur'an.

bersambung